

27/02/2005

Proton akan lebih kompetitif

Oleh Azman Zakaria

TANJUNG MALIM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi sokongan kepada pengeluar kereta nasional Proton supaya menjadi lebih kompetitif dengan menghasilkan kenderaan bermutu tinggi.

Perdana Menteri berkata, kenderaan bermutu dan pada harga yang juga kompetitif penting bukan saja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk pasaran eksport.

"Banyak pihak bertanya sama ada kerajaan akan terus memberikan subsidi kepada Proton untuknya terus berdaya saing. Kilang di Tanjung Malim ini yang serba lengkap dengan teknologi canggih akan menghasilkan kenderaan berdaya saing dari segi mutu dan harga.

"Kerajaan akan memberi sokongan untuk mereka menjadi kompetitif dari segi harga dan mutu yang lebih tinggi bagi pasaran bukan saja di Malaysia tetapi juga bagi negara lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan kilang pengeluaran kereta Proton bernilai RM1.8 bilion, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Pengerusi Proton Holdings Bhd (Proton) yang baru dilantik Datuk Mohd Azlan Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Kilang itu yang meliputi kawasan seluas 512 hektar yang dibuka setahun lalu adalah lima kali lebih besar daripada kilang Proton di Shah Alam, dan pada masa ini mengeluarkan kereta GEN.2.

Pada tahun pertamanya ia dijangka mengeluarkan 150,000 unit kenderaan dan berupaya mengeluarkan satu juta kenderaan setahun.

Ketika ditanya sama ada Proton boleh bersaing dalam senario pasaran semasa, Perdana Menteri berkata: " Ia bukan persoalan mengenai boleh (bersaing), tetapi mesti. Mereka mesti mempamerkan prestasi baik. Itulah yang kita mahu."

Abdullah berharap kerjasama antara Proton dengan pengeluar automotif lain yang telah lama berada dalam pasaran akan membantu pengeluar kereta kebangsaan itu mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi canggih dan membolehkannya mencatat prestasi lebih baik.

Ditanya sama ada keempat-empat pengeluar kereta nasional di negara ini bergabung ketika keadaan persaingan yang semakin sengit kini, beliau berkata, tiada sebarang perbincangan mengenainya pada ketika ini tetapi beliau tidak boleh menjangka pada masa depan.

Selain Proton, pengeluar kereta nasional lain ialah Perodua, Kia dan Inokom.

Ketika ditanya sama ada bilangan empat pengeluar kereta nasional itu terlalu banyak bagi Malaysia, beliau berkata: "Sekiranya pasaran adalah di luar Malaysia, saya tidak lihat ia sebagai banyak."

Diminta mengulas mengenai pertelingkahan dalam lembaga Proton dan cubaan menyingkirkan Tengku Mahaleel, katanya, beliau datang ke Tanjung Malim bukan untuk bercakap mengenai personaliti tetapi mengenai kereta.

Bagaimanapun, katanya, Tengku Mahaleel menjalankan tugas yang baik dan Azlan juga telah memberikan komitmennya untuk bekerja untuk kebaikan syarikat.

Mengenai laporan baru-baru ini bahawa pelantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat Proton, beliau berkata: "Saya lantik Tun Dr Mahathir sejurus beliau bersara (daripada kerajaan),"

Terdahulu, ketika berucap, Perdana Menteri berkata, dalam menentukan hala tuju dasar automotif negara, Malaysia memerlukan semua pekerja di setiap peringkat mahir serta cekap dalam mengendalikan peralatan dan teknologi canggih.

Sambil menyatakan pekerja di kilang Proton Tanjung Malim rajin bekerja, beliau menegaskan jika pekerja tidak dapat menggunakan kemudahan canggih yang disediakan, maka mutu hasil kerja mereka akan berkurangan.

(END) Source : Berita Harian